

**INSTITUSI SURAU SEKOLAH DALAM PEMBANGUNAN
AKHLAK REMAJA: SUATU KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH BERASRAMA ALIRAN AGAMA
DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

KHAIRANI BINTI ZAKARIYA @ ABD. HAMID

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2013

**INSTITUSI SURAU SEKOLAH DALAM PEMBANGUNAN
AKHLAK REMAJA: SUATU KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH BERASRAMA ALIRAN AGAMA
DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

oleh

KHAIRANI BINTI ZAKARIYA @ ABD. HAMID

Tesis ini diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi

Ijazah Doktor Falsafah

JULAI 2013

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji selayaknya bagi Allah Tuhan sekalian alam dan selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. kerana dengan izin dan hidayahNya, penyelidik dapat menyiapkan suatu tugas dan amanah yang amat besar dan berat sebagai seorang mahasiswa pascasiswazah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dikalungkan kepada penyelia Dr Suhaila Abdullah, pensyarah di Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM yang begitu prihatin dan sabar memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat untuk meneruskan perjuangan hingga ke garis penamatnya. Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia atas kepercayaan menganugerahkan penyelidik Hadiah Latihan Persekutuan 2009 untuk melancarkan proses penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan untuk beberapa orang pensyarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sebagai pakar penilai bagi kajian ini dan sebagai penyumbang idea yang banyak membantu membuka jalan kepada penyelidik. Juga penghargaan istimewa kepada kakitangan dan staf IPS, PPIK dan Perpustakaan Hamzah Sendut, USM atas bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Penghargaan juga untuk Jabatan Pelajaran Negeri Kedah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dan Maktab Mahmud serta sekolah-sekolah yang terpilih, atas kebenaran yang diberikan untuk penyelidik menjalankan kajian. Juga rakaman penghargaan kepada pengetua-pengetua, guru-guru penolong kanan, guru Pendidikan Islam, warden serta pelajar-pelajar yang sedia bekerjasama dengan penyelidik.

Tesis ini didedikasikan untuk

Ayah; Zakariya bin Haji Abd Rahim, Ayah Mid: Abdul Hamid bin Harun. Emak; Jamilah Ahmad, dan Mak Dah; Saadiah bt Mat Piah. Terima kasih atas kiriman doa dan restu serta kasih sayang tak pernah berbelah bagi. Maafkan anakanda dan redhailah kekurangan diri ini.

Suami tersayang, kekasih abadi dunia akhirat: Md Saufi bin Abd Hamid. Terima kasih atas kasih sayang, sokongan, bantuan, dan pengorbanan yang tidak terhingga. Maafkan dan redhailah kekurangan diri ini.

Anak-anak kesayangan bintang hati Ayah dan Ummi; Nurul Ain, Muhammad Syafiq al-Hadi, Muhammad Syauqi al-Hadi, Nurul Izzah, Nurul Jannah dan Muhammad Syaheed al-Hadi bin Md Saufi. Ummi harapkan kalian akan menjelaki Ummi..moga ini pencetus dan pengorak langkah anakanda sekalian..Terima kasih atas pengorbanan kalian dan maafkan kekurangan Ummi.

Adik beradik,

Abang Din sekeluarga, Abang Anuar sekeluarga, Abg Zamani, Adikku Syatirah dan suami, Muhammad Nizam, Hasni dan keluarga serta Muhammad Sabri terima kasih kerana memahami, mendoakan dan membantu diri ini.

Mantan majikan (Ustazah Hajah Siti Esah binti Abdul Latif) serta rakan setugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Segamat, rakan setugas di IPGK Tuanku Bainun terutama Dr Abd Razak dan Dr Tan Cheng Im, semua pensyarah, guru dan sahabat seperjuangan yang dikasihi, terima kasih atas dorongan, bantuan, nasihat dan idea yang diberikan. Jasa kalian amat dikenang...

15 Ramadan 1434H

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
HALAMAN DEDIKASI	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
TRANSLITERASI	xvi
SENARAI SINGKATAN KATA	xviii
ABSTRAK	xix
ABSTRACT	xxi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Masalah	4
1.3. Masalah Kajian	14
1.4. Objektif Kajian	17
1.5. Persoalan Kajian	18
1.6. Hipotesis Kajian	20
1.7. Kepentingan Kajian	21

1.8. Definisi Terma	25
1.8.1. Institusi Surau	25
1.8.2. Pembangunan Akhlak Remaja	27
1.8.3. Sekolah Menengah Berasrama Aliran Agama	30
1.9. Batasan Kajian	36
1.10 Kesimpulan	37

BAB 2

LANDASAN TEORI

2.0. Pendahuluan	39
2.1. Institusi Surau	39
2.1.1. Perbezaan antara surau, masjid dan masjid jamek	39
2.1.2 Surau dalam Islam	45
2.1.3. Peranan Surau Sekolah	46
2.1.4. Program Pembangunan Akhlak Melalui Surau	51
2.1.5. Faktor Menarik Minat Remaja ke Surau	55
2.1.6. Kesan Program Surau Dalam Pembangunan Akhlak Remaja ..	62
2.2. Konsep Pembangunan Akhlak	64
2.2.1. Konsep Pembangunan	65
2.2.2. Konsep Akhlak	69
2.2.3. Konsep Pembangunan Akhlak Menurut Islam	86

2.2.4.Kaedah Pembangunan Akhlak Menurut Ilmuwan Islam	90
2.2.5.Teorи Pembangunan Moral Ilmuwan Barat	119
2.3. Remaja Menurut Islam	134
2.3.1. Maksud Remaja	134
2.3.2. Peringkat Perkembangan Remaja	134
2.3.3. Faktor Pembangunan Akhlak Remaja	141
2.4. Kesimpulan	162

BAB 3

KAJIAN LITERATUR

3.0. Pendahuluan	166
3.1. Surau Sekolah	166
3.2. Akhlak Remaja	174
3.3. Kesimpulan	191

BAB 4

METODOLOGI

4.0. Pengenalan	194
4.1. Metodologi Penyelidikan	195
4.1.1. Penyelidikan perpustakaan	195
4.1.2. Penyelidikan Kajian Lapangan	196
4.2. Rekabentuk Kajian	197
4.3. Lokasi Kajian	201
4.4. Metode Persampelan	204
4.4.1. Populasi	204
4.4.2. Persampelan	205
4.5. Metode Pengumpulan Data	210
4.5.1. Pengumpulan Data Kuantitaif	211
4.5.2. Pengumpulan Data Kualitatif	216
4.6. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	220
4.6.1. Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kuantitatif	220
4.6.2. Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif	224
4.7. Pentadbiran Kajian Sebenar	227
4.8. Metode Analisis	228
4.9. Kesimpulan	230

BAB 5

DAPATAN KAJIAN

5.0 Pendahuluan	231
5.1 Latar belakang sekolah dan surau	233
5.2 Latar Belakang Responden Soal Selidik	238
5.2.1. Bilangan responden berdasarkan jantina	240
5.2.2. Sebab Masuk Ke Sekolah Agama	241
5.2.3. Perasaan Bersekolah di Sekolah Menengah Agama	243
5.2.4. Bilangan Adik Beradik Yang Bersekolah Agama	244
5.2.5. Pendapatan Ibu Bapa	245
5.2.6. Minat Terhadap Subjek Pendidikan Islam	246
5.2.7. Pencapaian Responden dalam Subjek Pendidikan Islam	247
5.3. Dapatkan Kajian Kuantitatif	248
5.3.1. Peranan Surau Sekolah pada Pandangan Remaja	248
5.3.2. Program Surau Yang Boleh Mempengaruhi Pembangunan Akhlak pada Pandangan Remaja	252
5.3.3. Faktor Pendorong Remaja Ke Surau	255
5.3.4. Kesan Program Surau Terhadap Pembangunan Akhlak	258
5.3.5. Aplikasi Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja di Surau	262
5.3.6. Pengujian Hipotesis Kajian	265

5.4. Dapatan kajian kualitatif- Kaedah Temu bual	268
5.4.1 Situasi Akhlak	269
5.4.2. Kaedah Pembangunan Akhlak	278
5.4.3. Faktor Menarik Minat Remaja ke Surau	292
5.4.4. Kesan Program Surau	323
5.4.5. Model institusi surau dalam pembangunan akhlak remaja	326
5.5. Dapatan kajian kualitatif – Pemerhatian	328
5.6 Kesimpulan	335

BAB 6

KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

6.0. Pendahuluan	336
6.1.Kesimpulan dan Perbincangan	336
6.1.1. Kesimpulan dan Perbincangan Latar belakang Responden	336
6.1.2. Kesimpulan dan Perbincangan Faktor Pembangunan Akhlak	338
6.1.3. Kesimpulan dan Perbincangan Kaedah Pembangunan Akhlak	339
6.1.4. Kesimpulan dan Perbincangan Situasi Akhlak Remaja	339
6.1.5. Kesimpulan dan Perbincangan Peranan Surau Sekolah Pada Pandangan Remaja Sekolah Agama	343

6.1.6. Kesimpulan dan Perbincangan Aplikasi Kaedah Pembangunan Akhlak Di Surau Sekolah	345
6.1.7. Kesimpulan dan Perbincangan Faktor Yang Menarik Minat Pelajar Ke Surau	348
6.1.8. Kesimpulan dan Perbincangan Bentuk Program Surau Yang Dapat Membangunkan Akhlak Pada Pandangan Remaja	351
6.1.9. Kesimpulan dan Perbincangan Kesan Program Surau Terhadap Pembangunan Akhlak Remaja	355
6.1.10. Kesimpulan dan Perbincangan Model Institusi Surau Dalam Pembangunan Akhlak	357
6.1.11. Kesimpulan Pengujian Hipotesis	359
6.2. Implikasi	363
6.3. Cadangan dan Saranan	371
6.4. Cadangan Bagi Kajian Akan Datang	376
6.5. Kesimpulan	377
SENARAI PENERBITAN	378
RUJUKAN	379
LAMPIRAN.....	413

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Maklumat Sekolah Menengah Agama Di Kedah

Lampiran B : Surat Permohonan Kajian

Lampiran C : Contoh Borang Pengesahan Pakar Dan Responden Temu Bual

Lampiran D : Borang Soal Selidik

Senarai Semak Checklist Untuk Guru

Senarai Semak Kemudahan Surau

Lampiran E : Penggunaan Label (Kod) dalam Petikan Data Tema

Lampiran F : Jadual Matriks Jenis Data dan Kekerapan Data

Lampiran G : Pekeliling Tentang Disiplin dan Hukuman Bagi Salah Laku

Pelajar

Lampiran H : Gambar Surau Sekolah dan yang Berkaitan Dengannya

SENARAI JADUAL

Senarai Jadual	Halaman
Jadual 1.1: Statistik Bilangan Kes Pelajar Ditahan Polis	5
Jadual 1.2: Bilangan Kes Disiplin Pelajar 2006 Hingga 2010 Kementerian Pelajaran Malaysia	6
Jadual 1.3: Contoh Salah Laku Remaja Lelaki Sekolah Agama	9
Jadual 1.4: Contoh Salah Laku Remaja Perempuan Sekolah Agama	10
Jadual 1.5 : Senarai Penuh Sekolah Menengah Berasrama Aliran Agama di Negeri Kedah	35
Jadual 2.1: Persamaan Kaedah Pembangunan Akhlak/Moral Islam Dan Barat	132
Jadual 2.2: Senarai Penuh Sekolah Menengah Aliran Agama Di Kedah	163
Jadual 4.1: Statistik Kanak-Kanak Terlibat Dengan Jenayah	201
Jadual 4.2: Senarai Sekolah Yang Terlibat Dalam Kajian	203
Jadual 4.3: Pembahagian Sempadan Bahagian Negeri Kedah	207
Jadual 4.4: Persampelan Berstrata	208
Jadual 4.5: Jadual Sebaran Item Soal Selidik	214
Jadual 4.6: Jadual Pemarkahan Skala Likert	215
Jadual 4.7: Senarai Informan Temu bual	217
Jadual 4.8: Senarai Panel Pakar Penilai Kesahan Item Soal Selidik	222
Jadual 4.9: Nilai Alpha Cronbach	223
Jadual 4.10: Pengujian Statistik	229
Jadual 5.1: Latar Belakang Sekolah Dan Surau Secara Ringkas	234
Jadual 5.2: Bilangan Responden Mengikut Sekolah dan Kategori Sekolah	239

Senarai Jadual	Halaman
Jadual 5.3: Bilangan Responden Mengikut Jantina dan Tingkatan	240
Jadual 5.4: Sebab Masuk Sekolah Agama	242
Jadual 5.5: Perasaan Responden Di Sekolah Masing-Masing	243
Jadual 5.6: Bilangan Adik Beradik Yang Bersekolah Agama	244
Jadual 5.7: Pendapatan Ibu Bapa Responden	245
Jadual 5.8: Minat Responden Terhadap Subjek Pendidikan Islam	246
Jadual 5.9: Gred Pendidikan Islam	247
Jadual 5.10: Interpretasi Tahap Skor Min	249
Jadual 5.11: Peranan Surau Sekolah Menurut Pandangan Remaja	249
Jadual 5.12: Program Surau Yang Boleh Mempengaruhi Pembangunan Akhlak Remaja	252
Jadual 5.13: Faktor Pendorong Remaja ke Surau	255
Jadual 5.14: Kesan Program Surau Terhadap Pembangunan Akhlak Remaja	259
Jadual 5.15: Aplikasi Kaedah Pembangunan Akhlak	262
Jadual 5.16: Pengujian Hipotesis Pertama	265
Jadual 5.17: Pengujian Hipotesis Kedua	266
Jadual 5.18: Pengujian Hipotesis Ketiga	266
Jadual 5.19: Pengujian Hipotesis Keempat	267
Jadual 5.20: Pengujian Hipotesis Kelima	267
Jadual 5.21: Pengujian Hipotesis Keenam	268
Jadual 5.22: Pengujian Hipotesis Ketujuh	268
Jadual 5.23: Kaedah Pembangunan Akhlak Berdasarkan Temu Bual	279

Senarai Jadual	Halaman
Jadual 5.24: Faktor Menarik Minat Remaja Berdasarkan Temu Bual	293
Jadual 5.25: Ringkasan Aktiviti Surau MM	295
Jadual 5.26: Ringkasan Aktiviti Surau SMAD	297
Jadual 5.27: Ringkasan Aktiviti Surau SMAN	298
Jadual 5.28: Ringkasan Aktiviti Surau SMAI	299
Jadual 5.29: Ringkasan Aktiviti Surau SMANH	300
Jadual 5.30: Ringkasan Aktiviti Surau SMATKH	302
Jadual 5.31: Ringkasan Aktiviti Surau SMAYK	304
Jadual 5.32: Ringkasan aktiviti Surau SBPI	306
Jadual 5.33: Ringkasan aktiviti Surau SMKAK	308
Jadual 5.34: Ringkasan aktiviti Surau SMKAY	309
Jadual 5.35: Ringkasan aktiviti Surau SMKAB	310
Jadual 5.36: Senarai Semak Pemerhatian Fizikal Dan Dokumentasi Surau	329
Jadual 5.37: Senarai Semak Program Dianjurkan	333
Jadual 5.38: Senarai Semak Aplikasi Kaedah Pembangunan Akhlak	334
Jadual 6.1: Analisis Salah Laku Akhlak Remaja	340
Jadual 6.2: Kesimpulan Kaedah Yang Diaplikasikan Melalui Temu Bual	346
Jadual 6.3: Kesimpulan Faktor Menarik Minat Ke Surau Berdasarkan Temu Bual	349
Jadual 6.4: Analisis Pelaksanaan Program Surau Berdasarkan Instrumen	353
Jadual 6.5: Kesimpulan Kesan Program Surau Berdasarkan Temu Bual	356

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	HALAMAN
Rajah 2.1: Model Perkembangan Moral Kohlberg	125
Rajah 2.2: Model Kerangka Teoritik Institusi Surau Sekolah dalam Pembangunan Akhlak Remaja	165
Rajah 4.1: Ringkasan Metodologi dan Rekabentuk Penyelidikan	200
Rajah 4.2: Kerangka Metode Persampelan	206
Rajah 4.3: Metode Pengumpulan Data	211
Rajah 5.1: Model Institusi Surau Dalam Pembangunan Akhlak Remaja	327
Rajah 6.1: Model Institusi Surau Dalam Pembangunan Akhlak Remaja	358
Rajah 6.2: Model Pembangunan Akhlak Remaja	363
Rajah 6.3: Model Faktor Yang Mempengaruhi Pembangunan Akhlak Remaja	366
Rajah 6.4: Model Pembangunan Akhlak Berasaskan Surau Sekolah	368
Rajah 6.5: Faktor Pendorong Remaja ke Surau	370

TRANSLITERASI

Di dalam mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut digunakan;

1. KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
أ	a	س	s	ل	l
ب	b	ش	sh	م	m
ت	t	ص	s □	ن	n
ث	th	ض	d □	و	w
ج	j	ط	t □	ه	h
ح	h □	ظ	z □	ي	y
د	kh	ع	‘		
ذ	d	ف	gh		
ر	dh	ق	f		
ز	r	ك	q		
	z		k		

2. VOKAL

1. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
܂	a	فعل	fa‘ala
܃	i	حسب	hasiba
܄	u	كتب	kutiba

2. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا / ا	ā	قضى , كاتب	katib , qada
ي	ī	كريم	karim
و	ū	حروف	huruf

3. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
و	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
ي	i	رجعي	raj‘i atau raj‘iy
و	uww	عدو	aduwu atau ‘adu

Rujukan: *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2008, hal. xii- 2.

SENARAI SINGKATAN KATA

Senarai Kependekan	Maksud
a.s	'alay-hi's-salam
cet.	Cetakan
Ed	Edisi
Et.al	Pengarang bersama
h.	Halaman
&	Dan
Ibid	<i>Ibidem. In the same place / di tempat yang sama</i>
Op.cit	<i>Opera Citato: Pengarang dan tajuk buku sama dengan rujukan sebelumnya, tetapi muka suratnya berbeza dan diselangi dengan rujukan yang lain.</i>
Jil	Jilid
No	Nombor
Bil	Bilangan
r.a	<i>Rad</i> <i>فَلِيَا لِلَّهُو أَكْبَرُ</i>
s.a.w	<i>S</i> <i>سَلَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ</i>
s.w.t	<i>Subh</i> <i>فَلَيَأْتِيَ الْمَوْعِدُ</i>
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
t.t	tanpa tarikh
Terj.	Terjemahan
ting	Tingkatan
ust	Ustaz
AJK	Ahli jawatan kuasa
UM	Universiti Malaya
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
Dr	Doktor
Drs	Doktor Rhoundus
Prof	Profesor
En	Encik
Pn	Puan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAN	Sekolah Agama Negeri
MM	Maktab Mahmud
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SBPI	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi
PK	Penolong Kanan
HEM	Hal Ehwal Murid
HEA	Hal Ehwal Akademik

Senarai Kependekan**Maksud**

KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
LMM	Lembaga Maktab Mahmud
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JPNK	Jabatan Pelajaran Negeri Kedah
JHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
Sek Men Keb/ SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
Juz	Juzuk
KL	Kuala Lumpur

**INSTITUSI SURAU SEKOLAH DALAM PEMBANGUNAN AKHLAK
REMAJA: SUATU KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
BERASRAMA ALIRAN AGAMA DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji institusi surau sekolah dalam pembangunan akhlak remaja. Bagi konteks sekolah, surau adalah subjek dan lokasi penting dalam kajian ini. Kajian ini merupakan kajian tinjauan deskriptif yang menggunakan *mixed-method*- pendekatan kuantitatif yang disokong oleh data kualitatif. Seramai 491 orang pelajar Tingkatan 3 dan Tingkatan 4 daripada sebelas buah sekolah dilibatkan dalam soal selidik. Seramai 12 orang pentadbir, 9 orang guru serta 18 orang pelajar dilibatkan dalam temu bual. Di samping itu data pemerhatian dan analisis dokumen juga digunakan dalam kajian ini. Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 17.0, manakala data kualitatif pula dianalisis melalui perisian NVivo8. Dapatan kajian menunjukkan antara faktor pembangunan akhlak adalah mendekatkan diri dengan masjid dan surau. Kaedah pembangunan akhlak yang sering diterima pakai di surau sekolah adalah “Kaedah Amal Ibadah.” Kajian ini mendapat pandangan remaja sendiri tentang peranan surau iaitu sebagai pusat ibadah. Aktiviti solat berjemaah merupakan program surau yang amat mempengaruhi pembangunan akhlak remaja, dengan memberi kesan perlunya berakhlak dengan Allah S.W.T, Rasulullah s.a.w., ibu bapa, diri sendiri, masyarakat dan alam sekeliling. Faktor utama yang mendorong remaja ke surau adalah faktor dalaman, iaitu perasaan ingin beribadah kepada Allah S.W.T. Secara

keseluruhannya, kajian ini menunjukkan institusi surau amat relevan dan signifikan dalam pembangunan akhlak remaja di sekolah menengah berasrama aliran agama.

**THE INSTITUTION OF SCHOOL ‘SURAU’ IN THE MORAL DEVELOPMENT
OF TEENAGERS: A STUDY OF ISLAMIC BOARDING SCHOOLS
IN KEDAH DARUL AMAN**

ABSTRACT

This study aims to examine the role of school *surau* in the moral development of teenagers. *Surau* is the most important subject and location for this study. This descriptive study employed mixed-method research methodology – which integrates quantitative and qualitative approaches. A total of 491 students from Form 3 and Form 4 of eleven schools were involved in the survey. The interviewees of this study involved 12 administrators, 9 teachers and 18 students. These data are supported by observation and document analysis. The quantitative data were analyzed by using SPSS version 17.0, and the qualitative data was analyzed by using NVivo8. The findings showed that getting closer to the mosque and *surau* is the most important factor for developing morality among teenagers. The most popular method of moral development is "Worship Deed". This study obtained teenagers' view of the role of the *surau* as a center for worship. The study found that congregation prayer, a programme of the *surau* influences the teenagers to know that they need to be ethical with Allah, His Messenger, their parents, themselves, the society and the environment. And the main factor that influences the teenagers to go to the *surau* is the internal factor, that is, devotion to worship Allah. Overall, the study found that the *surau* is a very relevant and significant institution in developing the teenagers' moral development in Islamic boarding schools.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Surau adalah jantung dan nadi kepada pembentukan rohani dan spiritual pelajar di sesebuah sekolah. Peranan surau amat penting bagi pelajar yang tinggal di asrama. Di Malaysia, pelajar yang tinggal di asrama kebanyakannya terdiri daripada remaja belasan tahun dan awal dua puluhan yang masih bersekolah atau di pusat pengajian tinggi atau yang bekerja di kilang-kilang.

Peringkat remaja adalah merupakan usia yang paling mencabar bagi setiap individu. Di peringkat ini pelbagai kisah sejarah suka dan duka remaja tercipta. Kisah kecemerlangan remaja Muslim di negara kita seperti Ahmad Atiq Abdul Hamid yang mendapat 14 1A dan 1 2A dalam SPM 2003, Nor Amalina bt Che Bakri yang mencatat kejayaan 17 1A dalam SPM 2004 dari SMK Ulu Tiram, Johor, Siti Fatimah Mokhtar dengan 17 1A dalam SPM 2006 dari Maahad Muhammadi (P), Kota Bharu, Kelantan, pelajar SMKA Yan, Kedah iaitu Azali Azlan dengan 20 1A dan 1 2A dalam SPM 2007 dan Nik Nur Madiha Nik Mohd Kamal dengan 19 1A dan 1 2A dalam SPM 2008 juga

dari Maahad Muhammadi (P), Kota Bharu, Kelantan.¹ Manakala pada tahun 2009 pelajar cemerlangnya adalah bukan muslim iaitu Gladys Tan Yee Kim. Pada tahun 2010 remaja Muslim iaitu Muhammad Putera Farid Iskandar dari Sekolah Menengah Sains Seremban dengan keputusan 10A+.² Mereka adalah ikon gemilang remaja yang sungguh membanggakan seluruh umat Islam di Malaysia. Tetapi kisah lara seperti salah laku remaja yang tidak putus-putus dilaporkan di dada akhbar dan media cetak telah hampir menutup sejarah kecemerlangan dan kegemilangan mereka.

Sebutlah apa jenis jenayah sekalipun, jenayah yang biasa dilakukan oleh penjenayah dewasa turut dilakukan oleh remaja juvana ini termasuk mencuri, meragut, merompak, mencederakan, membuli, membunuh, merogol, melacur, berzina, buang anak, terlibat dengan kumpulan samseng, mengugut dan memukul guru, lumba haram, berjudi, minum arak, penyalahgunaan dadah dan pelbagai jenayah dan maksiat yang lain.

Maka, sudah tiba masanya untuk kita kembali kepada kaedah asal iaitu dengan menghayati dan mengamalkan sirah Rasulullah s.a.w. yang menjadikan masjid atau surau sebagai pusat pentarbiahan dalam menangani kebijatan akhlak umatnya. Jika betul dan kena caranya, program pendidikan yang diterapkan melalui surau mampu melahirkan insan kamil seperti yang digarapkan dalam Islam dan Falsafah Pendidikan Islam khususnya.

¹Laman sesawang BM SPM, bmspm.net/pelajarcemerlang.html, pada 9 Mac 2012.

²Pengarang Berita Harian (2011), “Muhyiddin Nasihat Pelajar Cemerlang Usah Leka dibuai Mimpi,” *Berita Harian*, 4 April 2011, h. 5.

Ajaran Islam adalah ajaran yang lengkap dan sempurna. Akhlak yang sempurna terbukti berjaya membentuk dan membina peradaban serta tamadun manusia yang unggul dan bermaruah. Jika disingkap sejarah, peranan dan sumbangan generasi muda Islam dalam membina tamadun Islam memang hebat. Nama-nama hebat seperti Sayidinā Alī *Karramallahu Wajhah*, Sayidinā ‘Uthmān ibn ‘Affān, ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Auf, Ibn Zubayr, Ibn ‘Abbās dan ramai lagi merupakan barisan pencetus kepada kebangkitan dan pencorak kepada arus perubahan masyarakat. Kisah ketangkasan Usāmah ibn Ziyād pada usia lapan belas tahun yang mengetuai pasukan tentera menyerang kerajaan Rom dan kehebatan Muhāmmad al-Fatīḥ ketika usia 21 tahun yang berjaya menakluk Kota Konstantinopel³ adalah contoh remaja hebat. Begitu juga dengan peranan golongan muda yang disebut di dalam al-Quran tentang kisah pemuda *As-Sāḥabah al-Kahfī* yang berani dan tegar mempertahankan Islam dan akidah.⁴ Mereka adalah ikon remaja Islam yang hebat dan berani memperjuangkan keadilan serta menegakkan ajaran Allah S.W.T di muka bumi ini.⁵

³Ahmad Shalābī (Prof. Dr), (1979), *Mawsū’ah al-Tārīkh al-Islāmi wa al-Hadīth al-Islāmiyah*, Cairo: *Maktabah al-Miṣriyah*, jilid 4, h. 57-112. ; Lihat juga _____(1985), *Sejarah dan Kebudayaan Islam* (terj), Jilid 2, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h.101. ;Lihat juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2010),“Generasi Belia Ulul Albab Penyelamat Negara”, *Teks Khutbah Jumaat*, 14 Mei 2010, tidak diterbitkan.

⁴Lihat surah *al-Kahfī* (15): 3 -14.

⁵Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2008),“Belia Hari Ini Cermin Negara Masa Hadapan” , *Teks Khutbah Jumaat* , 16 Mei 2008, tidak diterbitkan.

Kekalnya sesuatu umat itu adalah kerana ketinggian dan kesempurnaan akhlaknya. Apabila lenyap dan runtuh akhlaknya maka runtuh dan lenyaplah umat tersebut. Kata-kata ini adalah pengajaran yang dapat diambil daripada peristiwa sejarah umat Islam terdahulu. Sebuah syair Arab oleh Ahmad Syauqi⁶ pernah menyebut:

وإنما الأُمُّ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ فَإِنْ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

Maksudnya: “Sesungguhnya bangsa itu tergantung kepada moralnya, bila rosak moral maka binasalah bangsa itu.”

Oleh itu remaja zaman ini, perlu bangun dari terleka dengan budaya hedonisme dengan berbekalkan pelbagai ilmu, kebolehan dan kepakaran yang tinggi yang dianugerahkan Allah S.W.T. Walaupun virus mazmumah menguasai remaja, namun jauh di sudut hati mereka masih tersimpan fitrah suci seorang hamba yang dijadikan Allah S.W.T seperti terkandung dalam kalimah *Lā ilāha illā Allāh*.⁷ Mereka perlu kembali kepada ajaran Islam untuk mengembalikan imej remaja Muslim yang tercalar bagi memartabatkan keagungan bangsa dan agama.

1.2. Latar Belakang Masalah

Dalam proses membangunkan jiwa remaja, ada beberapa halangan yang terpaksa dihadapi antaranya adalah salah laku remaja. Malah bilangan remaja terlibat dalam jenayah dan salah laku ini terus meningkat dari masa ke semasa. Dimaklumkan bahawa penglibatan remaja sekolah dalam tingkah laku jenayah dalam tahun 2008 adalah

⁶Abū Ḥāfiẓ Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (Imām) (2003), *Iḥṣā’ ’Ulūm ad-Dīn*, juz 3, cet.1 (baru), Kaherah: Maktabah as-Safrā, h.71.

⁷‘A’idh Abdullah al-Qarni (Dr) (2007), *Jadilah Pemuda Kahfi-Ekspresi Cinta Seorang Ulama Kepada Pemuda*, Solo: AQWAM Anggota Syarikat Penerbit Islam Solo, h. 3-6.

sebanyak 0.03% daripada jumlah keseluruhan populasi murid di sekolah (lebih 5 juta orang).⁸ Hal ini diakui sendiri oleh mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, mengenai peningkatan kes jenayah bunuh, rogol, samun, mencuri, merusuh dan kesalahan lain yang melibatkan remaja. Buktiya seperti statistik berikut:

Jadual 1.1 Statistik bilangan kes dan bilangan pelajar yang ditahan polis

TAHUN	BIL. KES	PELAJAR DITAHAN (13-18 thn)
2007	1,836	3,383
2008	2,218	3,725 ⁹
2009	1,409 2,245	3,263 (pelajar) 4,497 ¹⁰ (lepasan sekolah)
2010	1,947 3,218	3,701 (pelajar) (dari usia 7-18 thn) ¹¹ 4,404 ¹² (lepasan sekolah)
2011 (9 bulan pertama)	1,847 2,627	2,426 (pelajar) ¹³ 5,531 (lepasan sekolah) ¹⁴

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Berita Harian 21 April 2009, 13 Julai 2010 22 Mei 2011, 18 Julai 2011 dan 12 Januari 2012

⁸Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (2009), Hasil Mesyuarat Menangani Gejala Disiplin Sekolah bersama Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Polis Diraja Malaysia Tarikh: 12 Mac 2009 jam 2.30 petang dipengerusikan oleh Yg Bhg. Dato' Haji Alimuddin Haji Mohd Dom, Mantan Ketua Pengarah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

⁹Nurul Adlina Kamaludin dan Hafizah Iszahanid (2009), "Aib Juvana Remaja", *Berita Harian*, 21 April 2009, h.4.

¹⁰Mohd Azis Ngah (2011), "Masyarakat Memerangi Jenayah," *Berita Harian*, 22 Mei 2011, h.12.

¹¹Jami'ah Shukri (2010), "Jenayah Juvana", *Berita Harian*, 13 Julai 2010, h.8.

¹²Mohd Azis Ngah (2011), "Masyarakat Memerangi Jenayah," *Berita Harian*, 22 Mei 2011, h.12.

¹³Wan Faizal Ismayatim (2011), "Jenayah Remaja Makin Serius," *Berita Harian*, 18 Julai 2011, h.7.

¹⁴Pengarang Berita Harian (2012), "Jenayah Babitkan Kanak-Kanak Dan Remaja Menurun," *Berita Harian*, 12 Januari 2012, h. 8.

Menurut Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Datuk Abdul Ghafar Mahmud berdasarkan statistik tahun 2010, sebanyak 1.43% kes disiplin telah dilaporkan di sekolah-sekolah di negara ini, termasuk 0.32% kes jenayah percaduhan dan kes-kes kecurian seperti yang tercatat pada statistik di bawah.

**Jadual 1.2.Bilangan Kes Disiplin Pelajar 2006 Hingga 2010
Kementerian Pelajaran Malaysia**

Bil	Jenis kes disiplin	2006		2007		2008		2009		2010	
		Bil Murid	%								
1	Tingkah laku Berunsur Jenayah	17668	0.34	19947	0.35	19452	0.35	17518	0.32	17595	0.32
2	Berunsur Keluahan	2028	0.05	3792	0.05	3138	0.04	2915	0.05	3031	0.06
3	Kurang Sopan	19620	0.37	23214	0.43	22921	0.42	20808	0.38	18346	0.34
4	Laku Musnah	3843	0.07	3625	0.06	3949	0.07	3979	0.07	5212	0.10
5	Kekemasan Diri	14739	0.28	14900	0.27	15672	0.29	20361	0.37	21384	0.39
6	Ponteng Sekolah	24227	0.46	21134	0.39	20363	0.37	20286	0.37	19545	0.36
7	Kenakalan	14474	0.28	8519	0.16	8523	0.16	9797	0.18	8563	0.16
8	Tidak Pentingkan Masa	14716	0.28	18425	0.34	18348	0.34	16314	0.30	17808	0.33
	JUMLAH	111313	2.13	113556	2.10	112366	2.08	111978	2.06	111484	2.06

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia 2011¹⁵

¹⁵Haji Aminudin Bin Adam (2011), Timbalan Pengarah (Pengurusan Murid), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia, "Merekayasa (Reengineering) Pengurusan Disiplin Dalam Kalangan Murid Di Sekolah", Pembentangan sempena Mesyuarat Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dalam <http://www.jpowerpoint.com/BAHAGIAN-PENGURUSAN-SEKOLAH-HARIAN-KEMENTERIAN-PELAJARAN-MALAYSIA--PPT.html> pada 28 Mei 2012

Kes seperti ini, perlu segera ditangani untuk mengurangkan bebanan pihak kementerian dalam menangani masalah sosial dan mengelakkannya daripada merebak kepada kes yang lebih berat dan kepada pelajar lain. Menurut Datuk Abdul Ghafar bilangan kes jenayah yang melibatkan pelajar semakin membimbangkan berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Cawangan Dasar dan Pencegahan Jenayah, Bahagian Hal Ehwal Awam, Bukit Aman, di mana pesalah juvana kini cenderung melibatkan diri dalam pelbagai kes salah laku sosial dan jenayah berat.¹⁶

Lebih teruk lagi, trend baru jenayah pelajar ialah kes kekerasan atau keganasan dalam kalangan pelajar wanita. Situasi itu dianggap membimbangkan kerana pelajar wanita terkenal dengan sikap lemah lembut kini banyak terbabit dalam kes pergaduhan, buli dan ada juga yang terbabit dalam kes curi kenderaan.¹⁷ Lebih parah lagi didapati dua peratus kanak-kanak terlibat dalam jenayah seawal umur tujuh tahun.¹⁸

Kesimpulannya, 1.27% daripada 5.4 juta pelajar sekolah di negara ini terbabit dalam kes disiplin dalam tempoh Januari hingga Jun tahun 2011. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah berjaya mengurangkan kadar jenayah sebanyak 15% tahun 2011 turut membawa kepada penurunan kes membabitkan kanak-kanak, pelajar dan remaja.¹⁹

¹⁶Pengarang Utusan Malaysia (2011), “Bilangan Kes Jenayah Juvana Semakin Membimbangkan- KP Pelajaran,” *Utusan Malaysia*, 18 April 2011, h.4.

¹⁷Mohd Azis Ngah (2011), “Masyarakat Memerangi Jenayah,” *Berita Harian*, 22 Mei 2011, h.12.

¹⁸Pengarang Berita Harian (2012), “Jenayah Babitkan Kanak-Kanak Dan Remaja Menurun,” *Berita Harian*, 12 Januari 2012, h. 8.

¹⁹*Ibid.*

Sebenarnya, penampilan akhlak luaran yang negatif adalah refleksi daripada akhlak dalaman yang tiada hubungan langsung dengan Allah S.W.T. Ini kerana, akhlak yang mulia berasal daripada kesucian sifat batin dalaman dan kerohanian seseorang individu.²⁰ Inilah aspek yang amat penting dalam penilaian manusia di sisi Allah S.W.T. seperti mana sabda junjungan besar s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبَكُمْ وَأَعْمَالَكُمْ

Maksudnya: Daripada Abū Hurayrah r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Allah S.W.T tidak melihat kepada rupa bentuk kamu dan harta benda kamu tetapi Dia melihat kepada hati dan amalan kamu.”

(Hadith riwayat Muslim)²¹

Persoalan tentang hati dan yang berkaitan dengannya adalah merupakan satu cabang penting dalam ilmu akhlak Islam. Perutusan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai rasul akhir zaman bertujuan untuk menanamkan akhlak yang mulia dalam kalangan masyarakat yang dahulunya hidup tanpa satu sistem akhlak yang adil, universal dan saksama. Sabda baginda yang bermaksud: “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”²² Masalah disiplin dalam kalangan remaja semakin hari semakin parah. Lebih parah lagi, jika salah laku tersebut merebak kepada

²⁰Tajul Ariffin Nordin (1997), “Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Satu Pendekatan Bersepadan,” (Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Penidikan Moral dan Nilai dalam Pembangunan Manusia Ke Arah Pembentukan Acuan Pembangunan Negara, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia), h.35; Lihat juga Zaharah Husin (Dr) (2005), “Mendidik Generasi Berakhhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam”, *Jurnal/ Masalah Pendidikan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya ISSN 0126-5024, h 82; Lihat juga Wan Roslili Bt. Abd. Majid (2005), “Bersama Tangani Salah Laku Remaja Dan Kanak-Kanak,” *Berita Harian*, 05 Julai 2005, h. 13.

²¹Imām Abū H̄usayn Muslim ibn al-H̄ajjaj Al-Qushayrī an-Naysabūrī,(2004), *Sahih al-Muslim*, Lubnan : Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyah, hadis no 4651/2564

²² Abū Abdullah Mālik ibn Anas ibn Mālik ibn Abī Amīr, (1996), *al-Muwatṭa'*, Bayrut: Dār Ibn H̄azm, hadis no 1723. Lihat juga Zaydan, ‘Abd al-Karīm (1976) *Usūl al-Da'wah*, Bayrut, Lubnan: Mu'assasah ar-Risālah, h.76. Riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad hadith no. 274. Hadith sahih.

remaja dari sekolah menengah aliran agama. Contoh salah laku remaja lelaki adalah seperti berikut:

Jadual 1.3 : Contoh Salah Laku Remaja Lelaki Sekolah Menengah Aliran Agama

Tarikh	Lokasi	Kejadian
28 Mac 2004	Sekolah Menengah Agama (SMA) Dato' Klana Petra Ma'amor Negeri Sembilan	Muhammad Farid Ibrahim pelajar tingkatan 4 dibunuh oleh lapan pelajar tingkatan lima sekolah tersebut. Polis klasifikasikannya sebagai kes bunuh. Mereka yang terlibat didakwa mengikut Seksyen 97(2)(b) Akta Kanak-Kanak 2001 dan didapati bersalah di mana mereka dikenakan hukuman tahan selama diperkenankan oleh Sultan atau Yang Dipertua Negeri. ²³
27 Mei 2005	Sekolah Menengah Agama (SMA) Padang Tengku, Kuala Lipis, Pahang	Muhammad Afiq Qusyairi Baharuddin, 13 tahun dibuli dan dibelasah dua kali oleh seniornya. Dalam kejadian pertama, dia dibelasah oleh dua pelajar tingkatan lima termasuk dipijak belakang tubuhnya dengan kasut but kadet sekolah. Kejadian kedua membabitkan tiga pelajar tingkatan tiga yang membelasahnya kerana Afiq enggan meminjamkan pengecas bateri <i>walkman</i> kepada mereka. Afiq didapati sakit di bahagian tengkuk dan lemah seluruh badan akibat kecederaan saraf tunjang yang boleh menyebabkannya lumpuh. ²⁴
26 Julai 2005	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama(SMKA) Maahad Muar, Johor	A Shahrul Fazrmee Salleh A Suhaimi, 13 tahun cedera dibelasah sekumpulan empat hingga lima pelajar tingkatan lima sekolah itu yang tidak berpuas hati atas kekasarannya ketika bermain bola di padang sekolah dan telah dibelasah sehingga melibatkan kecederaan di kaki, kepala dan belakang badan. ²⁵
26 Jun 2009	Sebuah sekolah agama di Rompin	Mohd. Ashraf Abdul Aziz, 15 tahun bersama rakan-rakannya 'dilanyak' oleh pelajar senior di surau yang dipadamkan lampu seorang demi seorang pada pukul 1 pagi. ²⁶
17 Mac 2011	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Kubang Pasu	Seramai 20 pelajar Tingkatan Lima Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Kubang Pasu, dibuang sekolah selepas didapati bersalah membuli dengan menjentik dahi seorang pelajar Tingkatan Empat beramai-ramai pada 25 Februari lalu. Pihak sekolah mengambil keputusan membuang semua pelajar terbabit selepas mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).. ²⁷

²³Pengarang *The Malay Mail* (2004), "Eight Students Charged With Farid's Murder," *The Malay Mail*, 9 Julai 2004, h. 7. Lihat juga Azzahyiruddin bin Ahyanuddin (2006), "Penglibatan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama dalam Aktiviti Salah Laku: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan (Maahad) Muar, Johor," (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Berserta Pendidikan (Fizik), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia) h.20.

²⁴Pengarang Harian Metro (2005), "Sultan, Menteri Temui Kaki Buli," *Harian Metro*, Isnin, 13 Jun 2005, h.12, Lihat juga *ibid*, h.20.

²⁵Pengarang Harian Metro (2005), "Takut Jumpa Senior", *Harian Metro*, Rabu 3 Ogos 2005, h. 8.; Lihat juga *op.cit*, h.21.

²⁶Pengarang Utusan Melayu (2009), "Surau Jadi Medan Belasah Junior," *Utusan Melayu*, 28 Jun 2009, h.7.

²⁷Nahar Tajri (Wartawan Berita Harian) (2011), "20 Pelajar Asrama Penuh Dibuang Jentik Dahi Junior", *Berita Harian*, 17 Mac 2011, h.7.

Jadual 1.3, sambungan

7 April 2011	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Durian Guling, Marang	Sekumpulan lebih 20 pelajar sebuah sekolah menengah agama di Kuala Terengganu telah menyerbu masuk Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Durian Guling, Marang untuk memukul seorang pelajar tingkatan lima iaitu Wan Nur Azri Wan Mohamad, 17, selepas waktu rehat sebelum membelasannya di belakang bangunan makmal. ²⁸ Lapan daripada mereka telah mengaku bersalah.
9 Sept 2011	Sekolah Menengah Agama Hidayah Islamiah, Jitra	Daniel Wafiy Nuruddin Abu Bakar, 14 dibelasah tanpa belas kasihan oleh seorang pelajar tingkatan tiga di asrama lelaki Sekolah Menengah Agama Hidayah Islamiah, Jitra, pada 2 April lalu dipercayai bermotifkan cemburu. ²⁹

Sumber: PDRM melalui **The Malay Mail, Harian Metro, Berita Harian dan Utusan Melayu**

Jadual di atas memuatkan sebahagian bukti salah laku pelajar lelaki yang dilaporkan, manakala salah laku pelajar perempuan adalah seperti berikut:

Jadual 1.4: Contoh Salah Laku Pelajar Perempuan Sekolah Aliran Agama

Tarikh	Lokasi	Kejadian
6 Mac 2008	Sebuah sekolah agama pondok di Kuala Terengganu	Seorang pelajar perempuan berusia 17 tahun ditahan berhubung penemuan mayat bayi yang dipercayai dilahirkannya tidak cukup bulan dan tidak mempunyai tali pusat dalam sebuah baldi dan dibalut dengan baju sejuk berhampiran longkang asrama berkenaan. ³⁰
8 Mei 2008	Sebuah sekolah menengah agama di Pokok Sena, Kedah	Seorang pelajar perempuan yang berumur 18 tahun membuang bayi perempuan yang baru dilahirkannya. Beliau adalah mangsa rogol di ibu negara ketika pulang ke kampungnya di Selangor. ³¹
30 Mei 2009	Sebuah sekolah menengah agama di Balok, Kuantan	Seorang pelajar perempuan yang berusia 16 tahun telah membuang bayi lelakinya di hadapan sebuah rumah di Taman Balok Utama. Beliau juga mangsa rogol kenalan lelakinya yang berusia 20an. ³²
25 Okt 2012	Kampung Behor Rotan Pahit, Simpang Empat, Kangar	Seorang pelajar perempuan berusia 17 tahun dipercayai pelajar sekolah agama ditahan kerana dipercayai membuang bayi perempuan yang baru dilahirkannya ke dalam sebuah tali air di Kampung Behor Rotan Pahit. ³³

Sumber: PDRM melalui **Harian Metro, Utusan Harian dan Berita Kosmo**

²⁸Manirah Othman (2011), “Gangster Budak Sekolah,” *Berita Kosmo*, 25 April 2011, h. 8.

²⁹Pengarang Berita Harian (2011), “Bapa Berang Lihat Video Anak Kena Buli,” *Berita Harian*, 9 Sept 2011, h. 16.

³⁰Pengarang Harian Metro (2008), “Tergempar.. Budak Sekolah Agama Buang Bayi”, *Harian Metro*, 3 Jun 2008, h. 1- 4.

³¹Siti Kamilah Mustapha dan Zainal Azhar Mohamed (2008),“Pelajar Buang Bayi,” *Berita Kosmo*, 8 Mei 2008, h. 2.

³²Shahrulanoor Ishak (2009), “Pelajar Sekolah Agama Buang Bayi”, *Berita Kosmo*, 30 Mei 2009, h.1- 3.

³³Pengarang Utusan (2012), “Pelajar Buang Bayi Baru Lahir Dalam Tali Air”, Utusan Harian, 25 Okt 2012, h. 5

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Pengarah Pusat Kokurikulum Universiti Putra Malaysia yang diketuai oleh Dr. Mohammad Shatar Sabran pada tahun 2008, mendedahkan lebih 300 remaja Melayu di bandar dan luar bandar berusia antara 13 hingga 25 tahun mengakui terbabit dengan salah laku seksual dan gejala seks bebas, sehingga ada yang menggugurkan janin. Lebih mengejutkan, kira-kira 85% daripada mereka yang melakukan perbuatan itu, bukan saja tidak kesal, malu atau takut dari segi dosa malah menyifatkan pengalaman berkenaan sebagai menyeronokkan. Menurut kajian itu, mereka yang terjebak dengan gejala terbabit bukan disebabkan faktor tekanan akibat kegagalan institusi keluarga termasuk rumah tangga porak-peranda, sebaliknya tertarik dengan pengaruh rakan sebaya. Sebahagian besar mereka juga mengakui menerima pendidikan agama mencukupi. Ada responden yang menjawab mereka tahu perbuatan itu berdosa tetapi berkata “*Enjoy dulu, nanti taubatlah*”. Ini bermakna remaja berkenaan ada pengetahuan dan kesedaran agama, tetapi ia tidak menyentuh jiwa mereka.³⁴

Kejadian di atas sebenarnya menjadi satu tanda tanya mengapa remaja yang terlibat adalah remaja dari aliran agama sedangkan mereka telah diterapkan dengan pengetahuan Islam serta disemaiakan dengan benih-benih keimanan menerusi kurikulum berteraskan agama seperti mata pelajaran *Fiqh*, *Tawhīd*, *Tasdīq*, *Tasdīq*, *Aqīdah*, Pendidikan al-Qur'an dan as-Sunnah serta Pendidikan Syar'i'ah al-Islāmiyah. Di samping itu, bagi yang tinggal di asrama, pelbagai program keagamaan seperti kuliah dan tazkirah telah diadakan, namun keimanan mereka masih rapuh

³⁴Syuhada Choo Abdullah (2010), “300 Remaja Melayu Salah Laku Sosial, Seks Bebas”, *Berita Harian*, 20 Jun 2010, h.2- 3.

sehingga segelintir daripada mereka terjebak dalam kancang kemaksiatan yang dahsyat ini.

Bila merenung kembali ungkapan “Jika kamu muh melihat senario masa depan masyarakat dan negara kamu, lihatlah senario remaja masa kini. Jika mereka hebat maka akan hebatlah masyarakat dan negara kamu di masa depan, tetapi jika remaja kini rosak akhlak dan mindanya, maka akan rosaklah masyarakat dan negara kamu di masa depan.”³⁵ Kenyataan ini amat membimbangkan jika dilihat peri laku remaja masa kini.

Permasalahan sosial dan lebur akhlak yang dihadapi sekarang, ada kaitannya dengan sikap ibu bapa, remaja dan masyarakat yang gagal mengimarahkan masjid dan surau dengan aktiviti yang dapat membangunkan jiwa dan akhlak. Ini kerana menurut ‘Abdullah Nas□h□ ‘Ulwan, perlu ada kerjasama yang baik antara rumah, sekolah dan masjid atau surau supaya sempurna keperibadian anak dari segi rohani, jasmani, mental dan jiwa dengan syarat tiada pertentangan didikan antara ketiga institusi ini dan perlu ada persefahaman dalam menyempurnakan dan menyeimbangkan pembentukan rohani, jasmani, mental dan jiwa.³⁶

Pihak pengurusan masjid dan surau yang gagal mengimarahkannya dengan aktiviti menarik sehingga masjid dan surau hanya dijadikan sebagai lokasi eksklusif untuk ibadat s□blat fard□u berjemaah, s□blat jumaat dan s□blat sunat dua hari raya sahaja. Berdasarkan pemerhatian dan tinjauan awal penyelidik dalam beberapa surau

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Abdullah Nas h. 616- 619.

Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām, jil 2, cet.7, Kaherah: Dār as-Salām,

sekolah menengah secara tidak langsung, pihak pengurusan surau telah sedaya upaya menyediakan pelbagai program dan aktiviti tertentu, tetapi malangnya ada segelintir pelajar yang ponteng dan jika mereka hadir, mereka hanyalah pendengar yang pasif yang membuat kerja lain seperti tidur, membaca novel, bercakap-cakap dan menyiapkan kerja rumah. Ini kerana penyampaian maklumat secara satu hala iaitu dari guru atau penceramah kepada pelajar semata-mata sudah pasti tidak dapat memberi kesan kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku pelajar. Meskipun pelajar berjaya menghafaz maklumat, proses penghafazan tersebut berlangsung tanpa pemikiran ataupun tanpa mengetahui makna perkara yang dihafaz. Akibatnya, pelajar mampu menyimpan begitu banyak maklumat tentang pendidikan Islam, tetapi tidak dapat menggunakananya untuk mentafsir prinsip Islam dan membuat keputusan yang tepat dalam kehidupan mereka.³⁷

Jadi, kajian ini akan membincangkan faktor dan kaedah pembangunan akhlak, peranan surau dan bentuk program yang boleh membangunkan akhlak remaja serta kesan program surau terhadap pembangunan akhak remaja di sekolah menengah berasrama aliran agama supaya fungsinya dapat diperkasakan sebagai pusat pentarbiahan rohani serta diuruskan dengan baik serta diimarahkan dengan aktiviti yang mampu menyerap ke dalam jiwa pelajar sehingga terjelma mah personaliti dan akhlak muslim pada setiap orang pelajar.

³⁷Rosnani Hashim (2009), “Menghidupkan Semula Pedagogi Inkuiri Falsafah di Kalangan Pendidik dan Pelajar Islam,” *Jurnal Pendidikan Islam*, Kajang: Yayasan Takmir (Pendidikan) 13(2), h. 13- 28.

Bagi konteks sekarang, penyelidik merasakan masjid dan surau masih relevan sebagai pusat pentarbiahan. Cuma yang pasti, pada realitinya pada masa kini masjid dan surau dilihat seperti tidak berperanan dan tidak diperkasakan dengan aktiviti yang boleh membangunkan jiwa dan minda remaja. Bagi sebuah sekolah, surau boleh disamakan fungsi dan peranannya seperti masjid bagi pelajar yang tinggal di asrama. Masjid atau surau bukan saja berperanan sebagai pusat ibadat tetapi juga merupakan tempat untuk membentuk personaliti dan jati diri muslim bagi menghadapi kehidupan yang penuh mencabar ini.³⁸

Justeru atas sebab keperluan ini dan keperluan semasa, penyelidik merasa terpanggil untuk membuat kajian tentang surau di sekolah yang merupakan pusat pentarbiahan terpenting selepas sekolah atau bilik darjah yang mungkin merupakan penawar terbaik bagi penyakit sosial yang berlaku akhir-akhir ini.

1.3. Masalah Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang masalah kajian di atas, sudah tiba masanya untuk dibuat suatu kajian penyelidikan mengenai surau sekolah secara tersusun dan sistematik.

³⁸Abū Ḥāfiẓ Muhāmmad ibn Muḥammad al-Ghazālī (Imām) (2003), *op.cit.*, jilid 2, cet.1 (baru), h. 50-52.

Banyak kajian tentang masjid diketengahkan. Terlalu sedikit kajian mengenai surau lebih-lebih lagi surau sekolah dilakukan. Berdasarkan pengamatan penyelidik, terdapat empat buah kajian sahaja yang memfokuskan surau sekolah sebagai lokasi kajian. Jadi penyelidik merasakan perlu dilakukan suatu kajian yang komprehensif mengenai surau sebagai rujukan yang lebih menyeluruh dapat dilakukan.

Terdapat beberapa kajian yang mengaku bahawa beberapa buah sekolah menengah aliran agama mempunyai senarai program tarbiah tertentu, tetapi tidak terkesan dalam pembangunan akhlak remaja. Ini berdasarkan kajian Mohd Arip Kosmo³⁹, Fadhil Sahak⁴⁰ dan Sulaiman Wahid.⁴¹ Atas rasional ini, penyelidik akan mencari kebenarannya sendiri dengan melakukan kajian di lima jenis sekolah menengah aliran agama.

Berdasarkan hasil penyelidikan didapati pembangunan akhlak lebih tertumpu kepada faktor ibu bapa, persekitaran, guru dan rakan sebaya sehingga mengabaikan faktor institusi agama. Ini berdasarkan kajian Mohd Arip Kosmo⁴², Norhapizah Mohd

³⁹Mohd Arip Kosmo (1993), “Orientasi Sistem Pendidikan di Sekolah Agama Berasrama Penuh: Kajian Kes Berkenaan Pembinaan Akhlak,” (Kertas Projek Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia) tidak diterbitkan.

⁴⁰Fadzil Sahak (2001), “Masalah Salah Laku Pelajar Di Dua Buah Sekolah Menengah Agama Di Kelantan” (Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Malaya) tidak diterbitkan.

⁴¹Sulaiman Wahid (1994), “Perkembangan Pendidikan Islam dan Cabaran Sekularisasi Terhadapnya: Satu Kajian Khusus di Sekolah-sekolah Menengah Agama di Negeri Pahang”, (Disertasi Usuluddin Universiti Malaya) tidak diterbitkan

⁴²Mohd Arip Kosmo (1993), “Orientasi Sistem Pendidikan di Sekolah Agama Berasrama Penuh: Kajian Kes Berkenaan Pembinaan Akhlak,” (Kertas Projek Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia) tidak diterbitkan.

Borhan,⁴³ Chiam Heng Keng⁴⁴ dan Mohd Ismail Othman.⁴⁵ Oleh itu penyelidik akan cuba mengupas bagaimana pembangunan akhlak boleh dibina melalui institusi surau.

Penyelidik mendapati banyak kajian mengenai surau lebih berfokuskan peranan surau sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran sehingga menyisihkan peranannya yang paling utama iaitu sebagai pusat pembangunan akhlak. Justeru itu, penyelidik akan mengkaji dan memfokuskan institusi surau sekolah dalam pembangunan akhlak remaja.

Di samping itu juga, terdapat banyak kajian mengenai surau lebih tertumpu kepada fungsi dan peranan surau sahaja sehingga mengeneptikan faktor yang boleh menarik minat remaja ke surau, bentuk program surau yang boleh membangunkan akhlak dan kaedah pembangunan akhlak yang sesuai digunakan di surau.

Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti faktor dan kaedah pembangunan akhlak, peranan dan bentuk program surau yang boleh membangunkan akhlak remaja, serta kesan program surau terhadap peningkatan penghayatan agama Islam, perubahan tingkah laku serta peningkatan budaya ilmu dalam kalangan mereka.

⁴³Norhapizah Mohd Borhan (2006), “Pembangunan Akhlak Pelajar Islam di Triang, Pahang”, (Disertasi Sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁴⁴Chiam Heng Keng (1994),”Behavioural Problems Of Children And Adolescents: The Scenario In Malaysia”, (Kertas kerja dibentangkan pada Seminar Behavioural Problems of Children and Adolescent pada 1 Disember 1994).

⁴⁵Mohd Ismail bin Othman (2005), ***Undang-undang untuk Pengetua dan Guru Besar***, Pahang: PTS Professional Publishing Sdn Bhd, cet. 2.

Kajian ini diharapkan akan membawa manfaat yang besar kepada masyarakat dengan melihat betapa pentingnya surau sekolah dan aktivitinya yang sistematik bakal melahirkan pelajar yang tinggi penghayatan Islamnya. Apabila tinggi penghayatan Islamnya akan tinggi jiwa dan jati diri pelajar melawan kemungkaran dan salah laku yang begitu berleluasa dewasa ini. Malah penyucian jiwa dan rawatan penyakit hati perlu disegerakan tanpa ada rasa putus asa.

Justeru, sejajar dengan perkembangan semasa dan kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat terhadap budaya ilmu dan penghayatan Islam, maka penyelidik merasakan perlunya suatu kajian untuk memulihkan dan membangunkan jiwa dan roh remaja. Tambahan pula, kajian penyelidikan tentang surau sekolah masih amat kurang dan belum meluas dan mendalam.

1.4. Objektif Kajian

Dalam menyempurnakan kajian ini, beberapa objektif telah disasarkan seperti berikut:

- i. Mengenal pasti faktor dan kaedah pembangunan akhlak remaja di samping mengkaji faktor pendorong remaja ke surau.
- ii. Mengetahui situasi akhlak remaja sekolah menengah berasrama aliran agama di negeri Kedah.
- iii. Mengkaji peranan surau, bentuk program dan kesan programnya terhadap pembangunan akhlak remaja.

- iv. Mengenal pasti sejauh mana kaedah pembangunan akhlak menurut ilmuwan Islam diaplikasikan di surau sekolah menengah berasrama aliran agama di negeri Kedah.
- v. Mengetahui perbezaan antara kesan program surau dengan:
- lima jenis sekolah menengah berasrama aliran agama (Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Rakyat (SAR), Maktab Mahmud (MM) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)).
 - latar belakang responden seperti jantina, umur, gred pencapaian Pendidikan Islam dalam peperiksaan, minat dengan subjek Pendidikan Islam, sebab bersekolah di sekolah agama dan perasaan bersekolah agama.
- vi. Merangka model institusi surau dalam pembangunan akhlak remaja.

1.5. Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dihuraikan dan objektif di atas, kajian ini akan menjawab beberapa persoalan yang menjadi fokus kepada kajian ini, iaitu:

- Apakah faktor yang mempengaruhi pembangunan akhlak remaja?
- Apakah kaedah pembangunan akhlak menurut ilmuwan Islam?
- Bagaimanakah situasi akhlak remaja sekolah menengah berasrama aliran agama di Kedah?

- iv. Apakah peranan surau sekolah pada pandangan remaja sekolah menengah agama?
- v. Adakah kaedah pembangunan akhlak yang dilaksanakan di surau sekolah menengah berasrama aliran agama di Kedah bertepatan dengan kaedah pembangunan akhlak menurut ilmuwan Islam?
- vi. Apakah faktor yang menarik minat pelajar ke surau?
- vii. Apakah bentuk program surau yang dapat membangunkan akhlak pada pandangan remaja?
- viii. Apakah kesan program surau terhadap pembangunan akhlak remaja dengan Allah S.W.T dan rasul, ibu bapa, diri sendiri, guru, rakan sebaya dan alam sekeliling?
- ix. Adakah terdapat perbezaan signifikan antara kesan program surau dengan:
 - a) lima jenis sekolah menengah berasrama aliran agama (Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Rakyat (SAR), Maktab Mahmud (MM) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)).
 - b) latar belakang responden seperti jantina, umur, gred pencapaian Pendidikan Islam dalam peperiksaan, minat dengan subjek Pendidikan Islam, sebab bersekolah di sekolah agama dan perasaan bersekolah agama.
- x. Bagaimanakah rangka model institusi surau dalam pembangunan akhlak remaja?

1.6. Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis nul yang dibentuk bagi memastikan objektif kajian tercapai:

1. Tidak ada perbezaan antara kesan program surau dengan lima jenis sekolah menengah berasrama aliran agama (Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Rakyat (SAR), Maktab Mahmud (MM) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI))
2. Tidak ada perbezaan antara kesan program surau dengan jantina.
3. Tidak ada perbezaan antara kesan program surau dengan gred pencapaian dalam peperiksaan.
4. Tidak ada perbezaan antara kesan program surau dengan minat terhadap subjek Pendidikan Islam.
5. Tidak ada perbezaan antara kesan program surau dengan sebab bersekolah di sekolah agama.
6. Tidak ada perbezaan antara kesan program surau dengan perasaan bersekolah agama.
7. Tidak ada perbezaan antara kesan program surau dengan umur.

1.7. Kepentingan Kajian

Keperluan kajian mengenai surau amat mendesak kerana tidak banyak kajian yang tertumpu kepada surau sekolah. Ada yang berpendapat, kajian mengenai surau tidak perlu kerana ia adalah sebuah institusi yang kecil dengan jemaahnya yang terhad di sekolah. Realitinya, surau merupakan institusi agama yang terpenting di sekolah, lebih-lebih lagi jika semua pelajarnya tinggal di asrama. Malah, remaja yang berulang dari rumahpun, berada di sekolah paling kurang adalah selama 7 jam. Ini merupakan jangka masa yang paling berharga jika digunakan sebaiknya untuk membangunkan akhlak mereka melalui surau. Remaja lebih dekat dengan institusi agama ini, jika dibandingkan dengan institusi agama yang berada di luar sekolah seperti masjid dan surau awam. Ini kerana, surau sekolah adalah antara satu-satunya institusi agama yang majoriti jemaahnya terdiri daripada golongan remaja. Jadi surau sekolah adalah lokasi yang amat sesuai untuk program pembangunan akhlak mereka. Oleh itu, kajian ini amat penting untuk dilaksanakan kerana kekurangan rujukan bagi para pengamal dan pengurus surau. Malah, keperluan kepada suatu kajian untuk memperkasakan dan menjadikan surau sebagai alat atau lokasi untuk membangunkan akhlak remaja adalah amat mendesak kerana mereka adalah kumpulan masyarakat yang bakal memimpin negara dan menerajui pelbagai bidang termasuk ekonomi, politik, kemasyarakatan dan pendidikan negara.

Keperluan masa kini adalah kepada suatu kajian yang boleh menyelesaikan masalah gejala sosial dari sudut sekolah dan institusi agama. Memandangkan permasalahan sosial yang melanda remaja dan pelajar pada hari ini amat merisaukan, terpalit kekecewaan di hati masyarakat apabila merebaknya masalah salah laku akhlak dalam kalangan pelajar sekolah agama. Walaupun kes yang berlaku agak terpencil tetapi terbit persoalan apakah *tarbiyah* (pendidikan agama) dan *bi'ah s/âlih* (sekitaran yang baik) tidak mampu menangkis semua gejala yang tidak baik ini.

Kini, tindakan untuk mengawal dan mengatasi gejala ini berada pada tahap yang terdesak kerana ia melibatkan masa depan negara dan generasi Malaysia. Ini kerana menurut Ibn Khaldun, penghayatan agama adalah sangat penting dalam menjamin keutuhan negara. Bagi beliau kemakmuran dan kekayaan mampu mengukuhkan kedudukan sesebuah negara tetapi keruntuhan nilai agama secara perlahan akan memendekkan hayat kekuatan negara.⁴⁶

Oleh itu, penyelidik perlu bertindak untuk membuat suatu kajian yang mendalam sebagai penawar kepada gejala sosial yang berlaku sekarang iaitu kembali kepada agama. Bagi konteks sebuah sekolah, surau adalah satu institusi agama yang penting yang tidak boleh dikesampingkan dalam proses pentarbiahan remaja sekolah.

⁴⁶Ibn Khaldūn, ‘Abdul Rahmān (1960), *Muqaddimah*, Kaherah: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiah, h. 34-47; Lihat juga Muhammad Yamin Ismail (2008), “Metodologi Pengajian Islam pada Zaman Kegemilangan Tamadun Islam Andalusia”, *Jurnal Pendidikan Islam*, Kajang: Yayasan Takmir (Pendidikan) Bil 21, h. 157- 170.

Dalam kajian ini, penyelidik melakukan inovasi dengan menggabungkan kaedah pembangunan akhlak menurut empat ilmuwan Islam yang hebat yang sebelum ini dikaji secara berasingan dan tidak komprehensif. Ini menjadikan kajian ini amat penting untuk dilaksanakan. Banyak kaedah-kaedah terbaik untuk membangunkan akhlak remaja berjaya digabungkan dan dikaji supaya dapat diadaptasikan dalam program surau. Diharapkan melalui kaedah ini, remaja akan menjadi kumpulan pencipta dan pencetus idea-idea baru.⁴⁷ Mereka akan menjadi generasi pewaris yang benar-benar bertaraf dunia yang memiliki nilai-nilai agama dan akhlak yang hanya boleh dicetuskan melalui ilmu samada ianya diperolehi daripada bilik darjah, surau dan sebagainya. Malah mereka juga perlu dipersiapkan dengan pembangunan kerohanian melalui pembinaan sistem nilai supaya kekuatan diri dapat diperkuatkan dengan pencapaian ilmu yang diseiringkan dengan kemurnian peribadi serta akhlak.

Kajian ini turut memantapkan lagi metodologi kajian terdahulu dengan menggunakan kaedah triangulasi data kuantitatif melalui borang soal selidik di samping dapatan kajian yang diperolehi melalui data kualitatif (temu bual, pemerhatian berstruktur dan analisis dokumen). Ini menjadikan dapatan kajian ini, padat dan menyeluruh daripada setiap dimensi.

⁴⁷Ahmad Zabidi Bin Abdul Razak (2004), “Pembudayaan Prinsip Pengurusan Islam di Sekolah Agama Negeri dalam Menghadapi Cabaran Globalisasi: Satu Sorotan”, *Jurnal Masalah Pendidikan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, (27), h. 9.

Kajian ini penting untuk dilaksanakan kerana menyediakan jawapan kepada persoalan tentang peranan surau dan bentuk program surau yang boleh membangunkan akhlak remaja berdasarkan pandangan remaja sendiri. Di samping itu, kajian ini turut memberi penjelasan lebih terperinci tentang faktor dan kaedah pembangunan akhlak serta kesan program surau terhadap pembangunan akhlak remaja. Diharapkan daripada kajian ini, akan terciptalah satu solusi untuk memperkasakan peranan dan fungsi surau yang boleh diguna pakai oleh sekolah-sekolah lain bagi membangunkan jiwa, emosi dan spiritual anak-anak yang semakin ketandusan makanan jiwa dan rohani.

Hasil dapatan kajian ini amat penting kerana ia boleh dimanfaatkan oleh guru-guru Pendidikan Islam, pihak pengurusan surau sekolah, pihak pentadbir sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia supaya dapat dioptimumkan penggunaan surau sebagai Makmal Rohani dan diperbaiki segala kekurangan dan kelemahan supaya surau diinstitusikan sebagai sebuah institusi agama yang penting, mantap dan hebat di sebuah sekolah.